



[CATEGORY OF HADITH ASSESSED FALSE]

KATEGORI HADIS YANG DINILAI PALSU

Muhammad Ashraf Shahrulail *¹, Suriani Sudi ¹, Mohd Khafidz Soroni

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

*Corresponding Author: ashrafshahrulail89@gmail.com

Received: 10 November 2022 | Accepted: 30 November 2022

Abstrak

Usaha untuk menjaga hadis Nabi Muhammad SAW telah dilakukan oleh para ulama sepanjang zaman sehingga hari ini. Hadis palsu seringkali menjadi isu dan polemik terutamanya dalam kalangan agamawan dan masyarakat. Walaupun beberapa usaha dan tindakan pencegahan telah dilaksanakan, namun isu ini masih berlarutan sehingga kini. Antara permasalahan yang timbul ialah penilaian status hadis sama ada palsu atau tidak palsu berbeza dalam penulisan ahli akademik dan golongan agamawan. Kesannya masyarakat awam akan keliru dengan jawapan yang diberi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui metode kajian deskriptif dan komparatif. Daripada kajian dan penelitian yang ringkas ini, beberapa dapatan kajian telah dihasilkan. Antaranya ialah hadis yang dinilai palsu terbahagi kepada dua kategori iaitu hadis palsu yang diperselisihkan kepalsuannya dan hadis palsu yang disepakati kepalsuannya oleh *muhaddithīn*. Selain itu, kajian telah menemukan jenis hadis yang dinilai palsu tetapi amalannya ditemui melalui dalil-dalil *ṣahīh* yang lain. Oleh yang demikian, maklumat tentang bahayanya hadis palsu dan kategori hadis yang dinilai palsu perlu disampaikan kepada masyarakat agar maklumat yang sampai kepada mereka merupakan sebuah kebenaran yang pasti.

Kata kunci: Kategori, Penilaian, Hadis, Hadis Palsu

Abstract

Efforts to preserve the hadith of the Prophet SAW have been made by scholars throughout the ages until today. Fabricated hadith often become an issue and polemic especially among religious people and society. Although several efforts and preventive measures have been implemented, this issue still persists until now. Among the problems that arise is the assessment of the status of hadiths whether they are fake or not fake in the writings of academics and religious people. As a result, the general public will be confused by the answers given. This study uses a qualitative approach through descriptive and comparative research methods. From this brief study and research, several research findings have been produced. Among them are hadiths that are judged to be false divided into two categories, namely false hadiths whose falsity is disputed and false hadiths whose falsity is agreed upon by hadith scholars. In addition, this research also found types of hadiths that are judged to be false but the practice of which is established in other ṣaḥīḥ arguments. Therefore, information about the dangers of false hadiths and the categories of hadiths that are judged to be false must be conveyed to the public so that the information that reaches them is a definite truth.

Keywords: Category, Evaluation, False Hadith,

Cite as: Shahrulail, M.A., Sudi, S. & Soroni, M.K. (2022). Kategori Hadis Yang Dinilai Palsu, *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(2), 164–187.

PENGENALAN

Hadis merupakan sumber kedua dalam syariat islam selepas al-Qurān dan hadis pula memiliki martabat yang tinggi di sisi agama islam. Hal ini boleh dibuktikan dengan keistimewaan Nabi Muḥammad SAW sendiri sebagai utusan pilihan Allah SWT kepada umat manusia. Hadis terus dipelihara dan disebar oleh para ‘ulama di sepanjang zaman sama ada secara lisan atau secara penulisan. Dalam masa yang sama, disebabkan faktor-faktor tertentu seperti ketaksuban, kejahilan dan sebagainya, hadis – hadis palsu turut muncul dan disebar oleh golongan tertentu. Menurut Faisal (2017) antara penyebab tersebarnya hadis-hadis palsu dalam kalangan masyarakat adalah berpunca dari kurangnya pengetahuan berkaitan hadis palsu secara umum, merujuk kepada karya-

karya jawi yang belum disemak penilaian status hadis dan sebagainya. Golongan agamawan juga tidak lari dari faktor penyebab tersebarnya hadis palsu. Terkadang mereka beranggapan setiap hadis yang terdapat dalam kitab-kitab hadis semuanya adalah *ṣaḥīḥ*. Jamaluddin (2017) berpandangan, golongan yang berpendidikan agama seperti penceramah, guru – guru bertauliah dan seumpamanya, mereka juga ada yang datang dari selain bidang pengkhususan hadis dan kebanyakan dari mereka masih kurang berpengetahuan dalam memahami permasalahan status hadis.

Penilaian terhadap status sesebuah hadis amat besar pengaruhnya dalam menentukan amalan dalam masyarakat islam. Kesedaran terhadap mengenal pasti status darjat atau kedudukan hadis dalam kalangan masyarakat juga dilihat semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Namun permasalahan yang kerap dibangkitkan adalah perbezaan penilaian status hadis yang berlaku dalam kalangan agamawan sendiri. Abdul Razak (2018) dalam penulisan yang bertajuk *40 Hadis Palsu Popular* telah mengumpulkan sejumlah empat puluh hadis yang dikatakan palsu dan *bāṭil* (semakna dengan palsu) oleh *muhaddithīn* (ahli hadis). Selepas itu, Nur Hidayat (2021) telah melaksanakan kajian semakan semula terhadap beberapa hadis yang telah dinilai palsu dalam buku tersebut. Hasil kajian beliau mendapati lebih kurang dua puluh empat hadis masih dinilai *ḍa'īf* (lemah) dan *ḥāsan* oleh *muhaddithīn* dan tidak sampai kepada tahap palsu atau *bāṭil*. Antara dua puluh empat hadis yang dibuat semakan semula, terdapat sebuah hadis yang berbunyi “*Barangsiapa yang menghidupkan malam aidilfitri dan malam aidiladha, maka hatinya tidak akan mati tatkala matinya semua hati*”. Hadis ini hanya dinilai *ḍa'īf* dan ‘ulama sepakat atas penerimaannya dalam *faḍāil al-a'māl* (kelebihan amal). Tambahan lagi, penulisan buku ini telah tersebar dalam kalangan masyarakat awam yang tiada asas dalam pengajian hadis. Bertepatan dengan kajian Ashraf et al. (2022) yang bertajuk *Penyampaian Status Hadis Ḍa'īf Dalam Kalangan Guru Tauliah: Satu Tinjauan Awal*, hasil dapatan kajian mendapati dalam kalangan penceramah atau guru tauliah, mereka juga berbeza pendapat dalam menentukan status hadis yang sama di antara *ḍa'īf* dan palsu ketika berlakunya pengajian hadis di surau dan masjid. Bagi pengkaji ini merupakan satu isu permasalahan yang agak besar. Ini kerana masyarakat awam tidak mampu untuk menilai dan mengambil pendapat mana yang sesuai dan tidak sesuai. Perlu dilihat juga bahawa tahap penerimaan masyarakat awam terhadap sesuatu maklumat atau ilmu adalah terhad. Justeru itu, setiap penilaian status sesebuah hadis haruslah dipandu mengikut garis panduan yang telah disusun oleh para ‘ulama.

Dalam konteks isu semasa, polemik berkaitan penilaian status hadis lebih cenderung melarat kepada pertelingkahan di luar batas keilmuan apatah lagi biasanya ia membabitkan penceramah, pendakwah atau ilmunan agama. Penyebaran dan penggunaan hadis palsu sebenarnya sudah berlaku sejak dari dahulu lagi. Maka, menjadi tanggungjawab para ulama, terutama yang pakar dalam bidang hadis untuk membendungnya dari berleluasa. Melihat semangat berkobar-kobar sekelompok masyarakat membasmi hadis palsu, ada satu perkara yang mesti difahamkan pada mereka, iaitu kepentingan menyedari kewujudan darjat hukum hadis palsu serta sejauhmana kebolehan menerima ruang perbincangan dan semakan semula hadis-hadis seperti ini? Adakah wujud jenis atau bentuk yang berbeza pada hadis yang dinilai palsu? Tidak dinafikan penyebaran hadis palsu yang berleluasa dan tidak terkawal akan menyumbang masalah kepada ummah dan mengugat ketulenan Islam. Namun, sekiranya ia dapat diawasi dalam keadaan terkawal, maka tidaklah begitu membimbangkan. Mengenal pasti hadis yang dikatakan palsu memang perlu supaya kita dapat mengesahkan sama ada ia memang benar-benar disepakati palsu oleh semua ulama atau ada khilaf mengenainya.

METODOLOGI

Artikel ini bertujuan untuk meneliti dan mengkaji apakah klasifikasi jenis hadis - hadis yang dinilai palsu oleh *muhaddithīn* sehingga boleh menjadi perbezaan pendapat dalam kalangan agamawan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui metode kajian deskriptif dan komparatif. Analisis data adalah dengan menggunakan metode kajian deskriptif bagi menghuraikan pengertian hadis palsu, hukum meriwayatkan, hukum memalsukan hadis dan seumpamanya. Kajian ini juga menggunakan metode komparatif bagi melihat pandangan – pandangan *muhaddithīn* terhadap kategori hadis-hadis yang dinilai palsu dalam pelbagai aspek. Justifikasi kepada penelitian terhadap isu hadis palsu ini adalah kerana ia seringkali menjadi isu dan polemik dalam kalangan agamawan. Hasil kajian ini dengan harapan dapat membina idea baharu serta mengetengahkan idea lama yang sesuai dengan keperluan realiti pada hari ini dalam usaha membetulkan salah faham yang telah berleluasa dalam kalangan agamawan mahupun masyarakat awam.

DAPATAN KAJIAN

i. Pengertian Hadis Palsu

Al-Mauḍū diambil dari perkataan *wada'a*, *yada'u*, *wad'un* dan *wāḍī'atan* yang membawa maksud jatuh martabat. (Toḥan, 2011) Dari segi istilah pula, hadis palsu (*al-Mauḍū*) adalah perkataan rekaan dan dicipta oleh seseorang lalu menisbarkannya kepada Nabi Muḥammad SAW. Dalam erti kata lain ia adalah hadis yang tidak *thābit* (wujud) dari Nabi Muḥammad SAW sama ada dari perkataannya, perbuatannya atau pengakuannya yang mana ia telah menisbahkan kepada Nabi Muḥammad SAW secara tersilap, sengaja, jahil atau terancang. (al-Ghourī, 2017) A'zamī (1992) mengkategorikan hadis-hadis palsu ini kepada dua iaitu pemalsuan hadis secara sengaja dan pemalsuan secara tidak sengaja:

a. Pemalsuan Hadis Secara Sengaja

Sengaja yang dimaksudkan di sini adalah seseorang perawi itu sengaja memalsukan hadis disebabkan munculnya golongan yang ingin merosakkan islam, pergolakan politik, kepentingan mazhab, perselisihan akidah, fanatik terhadap bangsa atau kabilah dan pengakuan dari perawi hadis itu sendiri. Ada juga golongan zuhud, ahli ibadah atau orang soleh memalsukan hadis bertujuan untuk motivasi dan menganggapnya suatu jalan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT. (al-Ghourī, 1997)

b. Pemalsuan Hadis Secara Tidak Sengaja.

Tidak sengaja bermaksud seseorang perawi itu tidak sengaja memalsukan matan hadis disebabkan kurang berhati-hati dalam mencatat atau menghafal matan hadis. Akibatnya matan tersebut boleh jadi bertambah, berkurang dan bertukar. (Fathor Rois & Iqro Firdaus 2014) Ibn Rajab al-Ḥanbalī berkata, manusia yang tekun dalam ibadah seringkali ditinggalkan hadisnya. Sebahagian mereka tekun beribadah sehingga tidak memperhatikan hafalannya dan banyak kesalahannya dalam hadis. Antaranya ialah mendakwa sesuatu hadis itu *marfū'* (disandarkan kepada Nabi) terhadap hadis *mauqūf* (disandarkan kepada sahabat) dan menyatakan sebagai hadis *muttaṣil* (bersambung) terhadap hadis *mursal* (sanadnya gugur pada sahabat). Imam Muslim mengatakan, Yahyā bin Sa'īd berkata: Pendustaan sentiasa muncul dari lidahnya, tetapi mereka tidak sengaja berdusta. ('Iṭr, 1997)

Disamping itu terkadang wujud perkataan yang dinisbahkan atas nama Nabi Muḥammad SAW yang asalnya perkataan daripada sahabat yang bernama ‘Abdullah Ibn Mas’ūd, atau dari *tābi’īn* (golongan yang hidup selepas sahabat) yang bernama Ḥasan al-Baṣrī. Menurut Abū Shahbah, (1987) hadis palsu sebegini dari segi fakta dan nasnya terbahagi kepada dua bahagian:

- a. Seseorang itu mencipta sendiri satu persatu susunan kalimah kemudian menisbahkannya kata-kata tersebut kepada Nabi SAW, sahabat atau *tābi’īn*.
- b. Seseorang itu menggunakan setiap pertuturan sahabat atau *tābi’īn*, para hukamā, orang sufi atau apa-apa yang diriwayatkan dalam *israiliyyat* (kisah umat dan Nabi terdahulu) kemudian ia menisbahkannya kepada Nabi Muḥammad SAW supaya perkataan itu laku dan diterima.

ii. Hukum Memalsukan Hadis

‘Ulama telah bersepakat bahawa hukum memalsukan hadis adalah haram dan merupakan salah satu dari maksiat yang besar. (al-Ghourī, 2017). Sebahagian ‘ulama berpendapat bahawa perbuatan pemalsuan hadis dalam perkara akidah bukan sahaja haram, bahkan boleh mengakibatkan kufur. Manakala memalsukan hadis dalam perkara *targhīb wa tarhīb* (ancaman dan galakan) adalah haram. (al-Sakhāwī, 1985) Menurut Ibn Ṣalah, pendustaan terhadap Nabi Muḥammad SAW mempunyai kesan yang mendalam sehingga dapat merosakkan syariat dan menggugat agama. Majoriti *muhaddithīn* berpendapat bahawa orang yang melakukan pendustaan pada sebuah hadis boleh menjadi *fāsiq* (orang yang berterusan melakukan dosa kecil), ditolak riwayatnya dan tidak boleh digunakan untuk berhujah walaupun dia bertaubat dengan bersungguh-sungguh. Antara ‘ulama yang berpendapat sedemikian ialah Imam Aḥmad Ibn Ḥanbal, Abū Bakar al-Ḥāmidī, al-Sairafī dan al-Sam’ānī. (Ibn Ṣalah, 1986)

iii. Hukum Meriwayatkan Hadis Palsu

Muhaddithīn telah bersepakat bahawa haram hukumnya meriwayatkan hadis yang palsu jika diketahui kepalsuannya, sama ada dalam soal hukum hakam, cerita, motivasi dan sebagainya kecuali untuk memberitahu status kepalsuannya (al-Ghourī, 2017). Sesiapa yang meriwayatkan hadis palsu dengan tujuan untuk menerangkan hadis itu sebagai hadis palsu kepada orang ramai, maka tidak menjadi sebarang kesalahan keatasnya. Malah dia akan mendapat ganjaran pahala kerana berusaha untuk mengeluarkan umat islam daripada dibelenggu kemudaratan hadis palsu.

Bagi orang yang meriwayatkan hadis palsu sedangkan dia tidak tahu bahawa hadis tersebut sebagai hadis palsu, maka dia tidak berdosa dan dimaafkan kerana ketidaktahuannya itu. (al-Shahāwī, 1971) Oleh itu, hadis palsu tidak boleh dijadikan hujah untuk beramal, sama ada dari segi aspek hukum hakam mahupun *fadā'il al-a'māl* (kelebihan 'amal). (al-Ghourī, 2019)

iv. Kedudukan Hadis Palsu

Menurut Ibn Ṣalah (1986) hadis palsu termasuk di dalam kategori hadis *ḍa'īf* yang paling buruk. Ini juga merupakan pandangan majoriti daripada *muhaddithīn*. Ada yang membahagikan hadis kepada empat bahagian iaitu *ṣahīh*, *ḥasan*, *ḍa'īf* dan palsu. Ini menjadikan hadis palsu berdiri sendiri atas disiplinnya. (al-Qaṭṭān, 2007). Antara 'ulama yang berpendapat sedemikian ialah Ibn Ḥajar al-'Asqalānī. Beliau beranggapan bahawa hadis palsu sebagai satu bahagian yang berasingan dan bukan daripada bahagian hadis *ḍa'īf* (Ibn Ḥajar, 2011) Selain itu, Awwāmah (2017) telah membahagikan hadis *ḍa'īf* kepada empat bahagian. Antaranya ialah *ḍa'īf* yang ringan, *ḍa'īf* yang sederhana, *ḍa'īf* yang berat dan hadis palsu iaitu perawi yang bersifat penipu dan memalsukan hadis. Menurut 'Awwāmah, hadis *ḍa'īf* masih dinisbahkan kepada baginda Nabi Muḥammad SAW, sedangkan hadis palsu ialah pembohongan dan pendustaan semata-mata.

v. Pembahagian Hadis Palsu

Al-Baihāqī (1991) telah mengkategorikan dalam beberapa bahagian hadis yang seringkali dinilai statusnya oleh *muhaddithīn* iaitu meliputi hadis yang disepakati *ṣahīh*, hadis yang disepakati *ḍa'īf*, dan hadis yang diperselisihkan. Secara hakikatnya, setiap penilaian berkaitan status sesebuah hadis itu sendiri merupakan ijtihad daripada para 'ulama. Al-Mundhirī menegaskan: Perbezaan pendapat dalam kalangan *muhaddithīn* samalah seperti perbezaan pendapat daripada kalangan *fuqahā'* (ahli fiqh). Semuanya berdasarkan daripada ijtihad mereka. (al-Judai', 2003) Perlu diingatkan bahawa setiap ijtihad dari *muhaddithīn* dalam menentukan status hadis adalah dalam ruang lingkup ijtihad secara *ẓannī* (Ketidakpastian atau keraguan yang *rājih* (cenderung) antara dua belah kepercayaan, tanpa ada *jazam* (tanpa berkepastian secara yakin) dan bukan *qaṭ'ī* (pasti). Ibn Hajar al-'Asqalānī (2013) dalam *Fathḥ al-Bārī* menjelaskan: Penilaian kecacatan terhadap sesebuah hadis oleh 'ulama di bidang hadis adalah berdasarkan pada prasangka *ẓannī*. Al-'Ajlūnī (1932) pula menguatkan lagi kenyataan tersebut bahawa: Menilai hukum kepada status sesebuah hadis sama ada ia palsu, *ṣahīh* atau seumpamanya hanyalah berdasarkan kepada aspek sanad atau selainnya. Maka bukanlah ia

penilaian secara nyata dan *qat'ie*. Namun begitu, dalam pada masa yang sama, kita perlu mengambil kira perselisihan pendapat *muhaddithin* dalam menentukan penilaian sesebuah hadis. (Hussein 'Abd al-Kadir, 2017).

Apabila berbicara tentang hadis yang dihukum palsu, semua sedia maklum bahawa terdapat dua kategori berkenaan hadis yang dinilai palsu. Antaranya adalah hadis palsu yang disepakati kepalsuannya dan ada hadis palsu yang masih diperselisihkan kepalsuannya oleh *muhaddithin*. Pembahagian kepada dua kategori ini juga mungkin yang dimaksudkan oleh al-Dhahabī dalam kitabnya *al-Mūqizāt* ketika menjelaskan bab hadis palsu. Beliau mengatakan: Ada hadis yang kebanyakan 'ulama mengatakannya sebagai palsu, manakala sebahagian 'ulama lagi mengatakannya sebagai yang gugur dibuang (*sāqit maṭrūh*), Oleh itu, pada bahagian tersebut kami tidak berani untuk menamakannya sebagai palsu. (al-Dhahabī, 2000). Ibn al-Jauzī juga ada menyebutkan pembahagian ini dalam kitabnya *al-'Ilal Mutanahiah*. Beliau menyatakan hadis yang sangat *da'if* dan amat goyah, jenis ini berbeza jenis tingkatannya disisi *muhaddithin*. Sebahagian dari mereka mendekatkannya dengan hadis-hadis *hasan*, dan sebahagian yang lain pula melihat kuat goyahnya, lalu disertakan hadis-hadis palsu. (Ibn al-Jauzī, 1968) Pada kenyataan Ibn al-Jauzī ini jelas memberikan petunjuk seolah-olah wujud pembahagian di antara hadis palsu yang disepakati kepalsuannya dan hadis palsu yang diperselisihkan kepalsuannya.

Perbincangan berkenaan kategori hadis palsu tidaklah banyak dibincangkan oleh para sarjana. Namun, sebahagian 'ulama ada menyebutkan tentang perihal berkenaan secara tidak langsung. Terkadang penilaian dan ijtihad di antara 'ulama tidaklah sama. Ada di antara mereka yang menghukum palsu sesebuah hadis. Namun sebaliknya ada yang mengatakan *da'if* dan seumpamanya (Fathur Rois & Iqro Firdaus, 2014). Menurut Khafidz (2020), mengenal pasti hadis yang dikatakan palsu memang perlu supaya kita dapat mengesahkan sama ada ia memang benar-benar disepakati palsu oleh semua 'ulama atau ada khilaf mengenainya.

vi. Hadis Palsu Yang Disepakati Kepalsuannya

Hadis palsu yang disepakati kepalsuannya adalah hadis palsu yang perlu dijauhi oleh masyarakat islam. Ini kerana kepalsuan hadis ini telah dijelaskan dan disepakati oleh seluruh *muhaddithin* dalam kitab – kitab mereka. Al-Laknawī (1995) menjelaskan, sekiranya para *huffaz* hadis sepakat dalam menyatakan sesuatu hadis itu *ṣahīh*, *hasan*, *da'if* atau palsu, maka perlu diterima

penghujahan mereka. Ini kerana perkara itu sudah jelas. Setiap bidang ilmu itu perlu dirujuk kepada ahlinya, dan mereka itulah yang ahli dalam bidang hadis. Maka, pandangan orang yang bukan ahli tidak boleh diambil kira, walaupun ia ahli dalam bidang lain seperti ilmu fiqh, ilmu tasawwuf, ilmu tafsir, ilmu kalam dan sebagainya. Sebagai contoh hadis berkenaan larangan bercakap di masjid:

الحديث في المسجد يأكل الحسَنَات كَمَا تَأْكُل البهيمة الحشيش

Maksudnya: Bercakap di dalam masjid akan memakan kebaikan (pahala) sebagaimana haiwan memakan rumput.

Al-Irāqī (1987) dalam *Takhrīj Ihyā ‘Ulūmuddīn* mengatakan aku tidak menjumpai asalnya. Al-Futtāni (1925) dalam *Tazkirat al-Mawḍū‘āt* mengatakan tidak ada asalnya. Mulla ‘Alī Qārī (1986) dalam *al-Asrār al-Marfū‘āt* dan *al-Maṣnū‘* mengatakan hadis ini tiada asalnya. Al-‘Ajlūnī (1932) dalam *Kashf al-Khafā* juga mengatakan hadis ini tiada asalnya. Al-Shaukānī (1995) dalam *al-Fawāid al-Majmū‘ah* juga mempersetujuinya. Jelaslah bahawa hadis ini tidak ada asalnya dan tidak ditemui dalam kitab-kitab hadis. Maka dakwaan ia sebagai hadis adalah tidak benar dan palsu.

vii. Hadis Palsu Yang Diperselisihkan Kepalsuannya

Perselisihan dalam menilai status sesebuah hadis memang wujud dalam kalangan *muḥaddithīn*. (Al-Baihāqī, 1991) Namun begitu, kita perlu mengambil kira perselisihan pendapat *muḥaddithīn* dalam menentukan sesuatu hadis. (Hussein ‘Abd al-Kadir, 2017). Kita akan dapati betapa ramai dari kalangan *muḥaddithīn* silam terlebih awal melakukan kegiatan semakan semula hadis. Kegiatan semakan semula terhadap hadis-hadis yang dinilai palsu oleh segelintir *muḥaddithīn* yang lain begitu subur pada suatu ketika dahulu. Antara sebab kegiatan semakan semula hadis ini dilaksanakan adalah kerana wujud hadis – hadis palsu yang masih lagi ada ruang berkemungkinan untuk membatalkan dakwaan palsu tersebut. Dalam erti kata lain, hadis tersebut tidak palsu menurut sisi pandang dan kajian mereka berdasarkan penelitian mendalam dan kajian holistik yang memberatkan ijtihadnya untuk memutuskan bahawa hadis itu terselamat dari sebarang ‘*illat* (kecacatan) kepalsuan. Jadi yang dipertahankan di sini adalah keselamatan hadis itu dari hukuman palsu. Bukan keboleh-hujahan dengan hadis palsu tersebut. Sebagai contoh hadis berkaitan penciptaan akal:

لما خلق الله العقل قال له: أقبِل فأقبِل ثم قال له: أدبر فأدبر فقال: ما خلقت خلقا أكرم علي منك
بك آخذ وبك أعطي.

Maksudnya: Setelah Allah SWT menciptakan akal lalu Allah SWT berfirman kepadanya: ‘Majulah!’ Maka, akal pun maju. Kemudian Allah berfirman: ‘Berundurlah!’ Maka akal pun berundur (tidak maju). Lalu Allah SWT berfirman: ‘Tidaklah Aku ciptakan suatu yang lebih mulia bagi-Ku daripada kamu (iaitu akal). Dengan sebab kamulah aku beri balasan, dan dengan sebab kamu jugalah Aku beri ganjaran.

Menurut Mullā ‘Alī Qārī (1986), al-Zarkasyi dan Ibn Taimiyyah menyatakan hadis ini palsu. Namun, al-Laknawī (2007) telah menjumpai asal yang baik, datangnya sanad hadis tersebut yang dikeluarkan oleh ‘Abdullah bin Aḥmad di dalam kitabnya *Zawāid al-Zuhd*. Mulla ‘Ali Qārī (1986) dan al-Dhabīdī (1994) menyatakan sanad ini baik dan *mursal* dari Ḥasan al-Baṣrī. Al-Haithamī (2015) pula mengatakan, dalam *Mu’jam al-Kabīr* dan *al-Awṣaṭ* hadis ini *mauṣūl* (bersambung) dari Abū Ḥurairah dengan dua sanad yang *ḍa’if*. Padanya terdapat perawi yang bernama ‘Umar bin Abū Ṣāliḥ. Al-Dhahabī mengatakan beliau tidak dikenali. Al-Sakhāwī juga menafikan kepalsuan terhadap hadis ini (Mulla ‘Ali Qārī, 1986). Menurut Al-‘Irāqī (1987) terdapat riwayat daripada jalan Abū Umāmah, ‘Aisyah, dan Ibn ‘Abbās secara *mauqūf* meskipun kebanyakannya tidak bebas daripada sebarang kritikan. Walaubagaimanapun, secara ringkasnya, berdasarkan jalan-jalan periwayatan tersebut menunjukkan ia mempunyai asalnya dan tidaklah mencapai taraf palsu. Al-Qāwuqjī (1994) menegaskan: Oleh kerana hadis ini diperselisihkan, maka tidak tepatlah mengatakan hukumnya sebagai palsu.

Antara *muhaddithīn* dalam kalangan *muta’akhhirin* (ahli hadis yang muncul selepas kurun 500 hijrah) yang melaksanakan kegiatan semakan semula hadis-hadis palsu ini antaranya ialah al-Suyūfī, al-Sakhāwī, Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, al-‘Irāqī, al-Sakhāwī, al-Ghumārī dan lain-lain lagi.

- a. Al-Subkī (w. 756H) secara khusus dalam kitabnya *Ṭabaqāt al-Syāfiyyah al-Kubrā* telah mengumpulkan hadis-hadis yang tiada sanad dalam kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* sebanyak 943 hadis menerusi kajian yang beliau lakukan. (Ardiansyah, 2020)
- b. Al-'Irāqī (w. 806H) meneruskan kajiannya terhadap kitab *Ihyā' 'Ulūmuddīn* dengan melakukan *takhrīj* hadis secara menyeluruh dalam kitabnya *al-Mughnī 'an Ḥamlī al-Asfar*. Setelah mengkaji lebih dari 4500 hadis dari kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, beliau mendapati kebanyakan hadis di dalam kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* memiliki sanad yang bersambung dan kemudian beliau mengklasifikasikan menjadi hadis *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan *ḍa'īf*. Daripada kajian al-'Irāqī, hanya sekitar 300 hadis sahaja yang belum dijumpai sanadnya. (Ardiansyah, 2020)
- c. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (w. 852H) mengarang kitab *al-Qaul al-Musaddad Fī al-Zabb 'An Musnad Aḥmad* yang mempertahankan 24 buah hadis daripada kitab Musnad Ahmad yang dihukum palsu oleh Ibn al-Jauzī. (Al-Ghourī, 2017).
- d. Qutlubughā (w. 879H) juga telah mengarang kitab *Tuhfat al-Ahyā' fī mā Fatā min Takharīji Ahādīs al-Ihyā'* untuk menyempurnakan lagi *takhrīj* terhadap hadis-hadis di dalam kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Para ulama seolah-olah ghairah untuk melibatkan diri mereka dalam 'penyempurnaan' kitab *Ihya' 'Ulūm ad-Dīn* yang berharga ini (Rahman, 2021)
- e. Al-Ṣakhāwī (w. 902H) melakukan kritikan terhadap kitab *al-Mauḍū'āt* karangan al-Ṣaghānī. Beliau mengatakan, di dalam kitab *al-Mauḍū'āt* (karangan al-Ṣaghānī) terdapat banyak hadis-hadis *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan*. Sementara hadis *ḍa'īf* pula sedikit dan al-'Irāqī telah pun mengasingkannya di dalam satu juzuk (al-Sakhāwī, 2003).
- f. Al-Suyūṭī (w. 911H) dalam kitab beliau *al-La'alī al-Masnū'at fī al-Aḥādīth al-Mauḍū'āt* telah melontarkan kritikan dan komentar terhadap hadis-hadis palsu yang berada dalam kitab *al-Mauḍū'āt* karangan Ibn al-Jauzī. Al-Suyūṭī telah meneliti lebih kurang 120 hadis yang dikategorikan sebagai hadis yang dihukum *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan *ḍa'īf* sahaja menurut beliau dalam kitab *al-La'alī al-Masnū'at fī al-Aḥādīth al-Mauḍū'āt*. (Jendri, 2020).
- g. Ibn 'Irrāq al-Kinānī (w. 963H) dalam kitab beliau *Tanzīh al-Syarī'at al-Marfū'at 'an al-Akḥbār al-Syanī'at al-Mauḍū'at*. Kitab ini merupakan antara kitab yang terbaik dalam bab ini terutamanya dalam bab penyusunan, pembahagian bab dan tertib kandungan. Dalam kitab ini, beliau turut meringkaskan hadis-hadis palsu yang terdapat dalam kitab *al-La'alī al-Masnū'at* oleh al-Suyūṭī dan kitab *al-Mauḍū'āt* oleh Ibn al-Jauzī. (al-Ghourī, 2017). Kitab *Tanzīh al-Syarī'at al-Marfū'at* mendapat pujian daripada sebahagian 'ulama dalam

- pemilihan kitab-kitab yang mengandungi hadis palsu. Nuruddin ‘itr menyatakan kitab ini memiliki ilmu yang sangat berharga (Nuruddin ‘Itr, 2000) Inilah sebuah kitab yang lengkap dan sudah pun dikaji dengan halus hadis-hadis yang dikatakan palsu itu. Kitab ini disambut baik oleh *muhaddithīn* seluruh dunia berkaitan hadis palsu. (Hussein ‘Abd al-Kadir, 2017)
- h. Al-Dhabīdī (w. 1205H) dalam kitabnya *Ithāf al-Sadat al-Muttaqīn Syarḥ Ihyā’ ‘Ulum al-Dīn* melakukan pencarian riwayat hadis secara mendalam khususnya dari sanad-sanad hadis dan beliau juga mengkaji beberapa hadis yang sanadnya belum ditemukan oleh al-‘Irāqī. Hasil dari penelitiannya, al-Zabidī berhasil hampir menemukan seluruh sanad hadis yang ada dalam kitab *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. (Ardiansyah, 2020)
 - i. Al-Ghumārī (w. 1380H) mengarang dua buah risalah khas untuk menunaikan tuntutan semakan semula terhadap keputusan al-Ṣaghānī. Risalah pertama berjudul *Bulugh al-Amānī fī Mawḍū’āt al-Ṣaghānī*, risalah asal bagi ringkasan *al-Tihānī fī al-Ta’āqub ‘alā Mawḍū’āt al-Ṣaghānī*. (al-Ghumārī, 1993) Beliau turut mengarang sebuah lagi risalah khas untuk menyemak semula hadis-hadis yang terkandung di dalam kitab *al-Dūr al-Multaqāt* yang merupakan kitab asal bagi *Mawḍū’āt al-Ṣaghānī* yang diberi judul *Raf’ al-Syaṭaṭ al-Wāqi’ fī al-Dūr al-Multaqāt*. (al-Ghumārī, 1988)

Jika kita menemukan sesuatu hadis itu dinilai palsu oleh seorang *muhaddithīn*, maka ia belum lagi menjadi satu-satunya hukum muktamad yang wajib dipegang atau diterima oleh semua orang. Ini kerana perlu dipastikan terlebih dahulu, adakah penilaian tersebut disepakati oleh semua ulama atau masih ada khilaf mengenai penilaiannya. Jika ada khilaf dalam penilaiannya, kita harus berpegang dengan salah satu daripadanya, dengan syarat kita mempunyai hujah, sebab atau alasan yang kukuh dan bukan sekadar memilih semata-mata dengan sesuka hati. (Khafidz, 2020) Hal yang demikian tidak lain tidak bukan adalah kerana *muhaddithīn* begitu faham betapa bahayanya memalsukan hadis yang hakikatnya tidak palsu, sama sahaja bahayanya seperti mana memberi penilaian *ṣahīḥ* kepada hadis-hadis yang palsu. al-Suyūṭī menukilkan kata-kata Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī: Di antara perkara yang bahaya adalah menyangka bahawa sesuatu hadis itu palsu (secara mutlak disisinya) tetapi secara hakikatnya ia bukan hadis palsu. (al-Suyūṭī, 1993) Adalah lebih baik sekiranya kita memberi fokus kepada hadis yang disepakati palsu oleh semua *muhaddithīn* sahaja berbanding hadis yang ada khilaf mengenainya antara palsu dan tidak palsu. Ini lebih bermanfaat bagi pihak yang bertanggungjawab daripada terlibat dengan pertikaian yang tidak berkesudahan tentang soal palsu atau tidak palsu.

Dalam kalangan *muhaddithīn* terdapat sekumpulan yang *mutashaddīd* (terlalu keras) dan *mutasāhil* (bermudah-mudahan) dalam menentukan penilaian palsu ke atas sesebuah hadis. Antaranya ialah:

- a. Ibn al-Jauzī (w. 597) pengarang kitab *al-Mauḍū'āt*. *Muhaddithīn* sepakat menyuarakan bahawa Ibn Al-Jauzi adalah seorang *muḥaddith* yang amat keras menentukan hadis sebagai hadis palsu. Sikap keras beliau mendorongnya supaya menentukan sesetengah hadis *ḥasan* dan *ḍa'īf* sebagai hadis palsu. (Hussein 'Abd Kadir, 2017).
- b. Al-Jauzaqānī (w. 543H) pengarang kitab *al-Mauḍū'āt min Aḥādīth al-Marfū'āt* atau dikenali dengan kitab *al-Abātil wa al-Manākir wa al-Ṣiḥāḥ al-Mashāhir*. Kebanyakan hadis di dalam kitab ini diberi hukum palsu hanya semata-mata bertentangan dengan sunnah yang *ṣaḥīḥ*. Telah berkata guru kami (Ibn Ḥajar): Ini merupakan satu kesalahan, melainkan beliau telah menghimpunkan kesemuanya (jalan periwayatan). (al-Laknawī, 2000)
- c. 'Umar al-Badr al-Mawsalī (w. 622H) pengarang kitab *al-Mughnī 'an Ḥifẓ wa al-Kitāb bi Qawlihim: Lam Yaṣiḥ Syai' fī Hazā al-Bāb*. Menurut al-Ghourī (2017) kitab ini mengandungi banyak kesalahan dalam menilai kepalsuan hadis dan mendapat banyak kritikan dalam kalangan *muhaddithīn*.
- d. Al-Saghānī (w. 650H) pengarang kitab *Mauḍū'āt al-Saghānī*. Beliau memasukkan di dalamnya banyak hadis-hadis yang tidak palsu, maka dengan sebab itulah beliau telah termasuk dalam kalangan *mutashaddīd* dalam menilai hadis palsu seperti Ibn al-Jauzī dan Fairuz Ābādī (al-Laknawī, 2000)
- e. Ibn Taimiyyah. (w. 728H) Menurut Hussein 'Abd Kadir (2017), Ibn Taimiyyah telah menjadikan sebahagian hadis *ḥasan* dan kebanyakan hadis *ḍa'īf* sebagai palsu. Al-Laknawī (2000) telah memasukkan Ibn Taimiyyah dalam golongan *mutashaddīd* ketika menghukumi palsu terhadap sesebuah hadis.
- f. Al-Fairuz Ābādī (w. 817H) pengarang kitab *Khātimat Sifr al-Sa'ādah*. 'Abd al-Haq al-Dihlawī mengatakan beliau menghukum sebahagian hadis dengan dengan perkataan '*tidak thābit*', '*tidak ṣaḥīḥ*' dan '*palsu*'. Namun hadis-hadis tersebut banyak diriwayatkan dalam kitab-kitab mu'tabar dan diterima di sisi *muhaddithīn* dan *fuqahā*. (al-Laknawī, 2000)
- g. Al-Suyūṭī. (w. 911H) Menurut al-Ghumārī (1982), beliau seorang yang *tasāhul* dalam kajian hadis. Al-Ghumārī menyatakan terdapat beberapa hadis dalam kitab *Jāmi' al-Saghīr* karangan al-Suyūṭī sepatutnya dinilai palsu, tetapi ia tidak dinyatakan kepalsuannya oleh al-Suyūṭī. Al-Laknawī (2000) dalam kitabnya telah menyatakan al-Suyūṭī lebih *tasāhul* jika

dibandingkan dengan Ibn Hajar al-‘Asqalāni dan al-‘Irāqī yang lebih *mutawassīf* (pertengahan) dalam menilai status hadis.

- h. Al-Shaukānī (w. 1255H) juga merupakan salah seorang *muḥaddithīn* yang mudah memalsukan hadis dalam kitabnya *Fawāid al-Majmū‘ah al-Aḥādith al-Mawḍū‘at*. Pandangan dari Masyhuri Rifa’i et al. (2021) mengatakan al-Shaukānī merupakan *muḥaddithīn* yang mudah menilai palsu terhadap sesebuah hadis. Menurut kajian beliau, terdapat beberapa hadis yang tidak sampai kepada darjat palsu tetapi diberi penilaian oleh al-Shaukānī sebagai palsu.

Oleh itu, apakah sikap sebagai seorang agamawan yang amanah dalam ilmu sekiranya sesebuah hadis itu telah dipastikan kepalsuannya? Apakah tindakan daripada agamawan supaya masyarakat terus diberi galakan untuk beramal dengan amalan yang telah disebut dalam hadis palsu tersebut? Setelah diteliti dan diamati, pengkaji mendapati terdapat tiga bentuk keadaan pada kategori hadis palsu yang telah disepakati kepalsuannya. Antaranya ialah hadisnya palsu dan amalannya juga tetap palsu, hadisnya palsu tetapi amalannya bertepatan dengan dalil-dalil *ṣaḥīḥ* yang lain dan hadis palsu yang hakikatnya merupakan perkataan dari para *tābi‘īn*, *hukamā’*, orang-orang soleh dan ahli sufi.

viii. Hadis Palsu Dan Amalan Palsu.

Pada bahagian ini, hadisnya palsu dan amalan yang disebutkan oleh hadis itu juga telah terbukti palsu. Ini kerana matan dan maksud hadis tersebut bercanggah dengan syariat-syariat islam. Menurut Ibn al-Qayyīm, antara contoh tanda-tanda kepalsuan yang berlaku pada matan hadis ialah maksud hadis tersebut tidak dapat diterima dengan logik akal, bertentangan dengan nas al-Quran yang jelas, bertentangan dengan hadis yang jelas, bertentangan dengan *ijma’* (kesepakatan para ‘ulama), bertentangan dengan hakikat sejarah, hadis yang berlebih-lebihan dengan akibat buruk dengan kesalahan yang kecil dan seumpamanya (al-Ghourī, 2017) Contohnya hadis berkaitan terung:

الباذنجان شفاء من كل داء

Maksudnya: Buah terung itu penawar segala penyakit

Hadis seperti ini mengandungi makna yang bercanggah dengan al-Quran, *ijma'* atau akal yang logik. Al-Suyūṭi mengatakan, apabila sesebuah hadis bercanggah dengan prinsip islam, maka hadis tersebut dianggap sebagai palsu. (Mohd Muhiden, 2021)

ix. Hadis Palsu Tetapi Amalan Ṣaḥīḥ

Bahagian ini telah terbukti bahawa hadisnya palsu melalui persetujuan dan kesepakatan para *muḥaddithīn*. Namun begitu, hadis palsu tersebut tidak semestinya bererti amalan yang disebutkan oleh hadis palsu itu juga palsu. Maksudnya cukup jelas iaitu amalan yang disebutkan oleh hadis palsu itu boleh jadi *ṣaḥīḥ* disebabkan *thābit* melalui dalil yang lain dan bukan bersandarkan kepada hadis palsu berkenaan. Ini yang sering diungkapkan oleh para 'ulama terhadap sesuatu hadis seperti '*Tidak sah, tetapi maknanya sah*' atau '*Tiada sumber asal, tetapi maknanya sah*' disebabkan ada hujah serta dalil lain yang *ṣaḥīḥ* dan menjadi asas kepada apa yang disebutkan dalam hadis berkenaan. Seharusnya setiap agamawan perlu amanah dalam memberikan jalan alternatif kepada masyarakat dengan menyediakan hadis-hadis *maqḅūl* (diterima) dan dalil-dalil *ṣaḥīḥ* yang lain supaya boleh digantikan dengan hadis palsu tersebut. Menurut Khader Ahmad (2019), hal ini kerana, terkadang amalan yang dilakukan itu benar cuma tidak disandarkan kepada dalil yang tepat dan benar. Maka, dengan wujudnya penyediaan hadis-hadis alternatif, masyarakat tidak perlu berhenti daripada melakukan amalan tersebut. Kaedah dan ungkapan yang menyertakan dalil-dalil alternatif ini telah dipraktikkan dalam banyak kitab-kitab 'ulama hadis. Antara contoh kaedah penjelasan 'ulama dalam berinteraksi dengan keadaan ini ialah:

a. Hadis Palsu Tetapi Amalannya Ditemui Dalam al-Quran

الدنيا مزرعة الآخرة

Maksudnya: Dunia ini adalah ladang (tempat bercucuk tanam) bagi akhirat

Al-Sakhāwī (1985) mengatakan bahawa beliau tidak menemui asalnya. Mullā 'Alī Qārī (1986) menyatakan hadis ini adalah palsu, walaubagaimanapun maknanya *ṣaḥīḥ*. Di dalam al-Quran Allah SWT berfirman:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي
الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ

Maksudnya: Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya; dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan), dan ia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak. (al-Syu'arā, 20)

b. Hadis Palsu Tetapi Amalannya Ditemui Dalam Hadis Ṣaḥīḥ

ريق المؤمن شفاء

Maksudnya: Air liur seorang mukmin itu adalah penawar.

Mullā 'Alī Qārī (1986) mengatakan hadis ini tidak ada asal baginya. Menurut al-'Ajlūnī (1932) perkataan ini bukan hadis tetapi maknanya ṣaḥīḥ dalam hadis ṣaḥīḥain (Ṣaḥīḥ Bukhārī dan Muslim):

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ لِلْمَرِيضِ " بِسْمِ اللَّهِ،
تُرْبَةُ أَرْضِنَا. بَرِيقَةٌ بَعْضِنَا، يُشْفَى سَقِيمُنَا بِإِذْنِ رَبِّنَا "

Dari Saidatina 'Aisyah beliau berkata: Adalah Nabi Muhammad SAW membacakan jampi (ruqyah) kepada orang yang sakit, "Dengan menyebut nama Allah (dan) debu tanah kami serta air liur sebahagian dari kami jadilah penyembuh penyakit kami dengan izin Tuhan kami". (Riwayat al-Bukhārī)

Perkataan "maknanya sah" dalam semua nukilan di atas bukan bermakna bahawa hadis itu benar - benar daripada Nabi Muhammad SAW, akan tetapi maknanya ialah mesej yang terkandung dalam hadis-hadis tersebut tidak menyalahi syariat kerana ia disokong

oleh dalil – dalil yang lain atau selari dengan kaedah umum. Justeru, kita tetap haram meriwayatkan hadis-hadis palsu tersebut dengan menisbarkannya kepada Nabi Muḥammad SAW. Agamawan wajib menjelaskan kepalsuan hadis itu. Namun dalam masa yang sama dibawakan dalil-dalil *ṣahīḥ* yang lain supaya masyarakat dapat terus beramal dengan amalan tersebut. Kaedah ini lebih harmoni dan selamat bagi menyampaikan bahayanya hadis palsu kepada masyarakat seiring dengan memberikan galakan untuk beramal melalui dalil alternatif yang lain.

x. Perkataan ‘Ulama dan Orang Soleh Disangka Hadis

Usaha *muhaddithīn* tidak terhenti setakat itu sahaja. Mereka juga telah menyusun dan mengumpulkan sejumlah kitab berkaitan hadis-hadis masyhur yang menjadi sebutan dalam kalangan orang ramai dan kebanyakan daripadanya merupakan hadis palsu. Antara kitab yang mengumpulkan hadis sedemikian ialah kitab *Kashf al-Khafā’ wa Muzil al-Ilbās’Ammā Isytahar min al-Aḥādīth ‘Alā Alsinat al-Nās* karangan al-‘Ajlūnī (w. 1126). Menurut al-Ghourī (2017), kitab *Kashf al-Khafā’* ini telah mendapat iktiraf sebagai rujukan yang berkualiti dan mempunyai sumber yang paling banyak mengumpulkan hadis-hadis masyhur secara lisan. Faisal (2017) menjelaskan lagi, kitab ini juga merupakan kitab yang paling luas perbahasannya berkenaan hadis-hadis masyhur. Seterusnya kitab yang dinamakan *al-Maqāṣid al-Ḥasanat fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtaharat ‘Alā al-Alsinat* karangan al-Sakhāwī (w. 902) Faedah yang boleh didapati dari kitab-kitab sebegini ialah masyarakat akan didedahkan kepada hakikat sebenar kedudukan lafaz-lafaz tersebut dari mana asalnya. Pada bahagian ini, ramai yang menyangka perkataan tersebut merupakan hadis Nabi SAW. Namun sebaliknya, ia hanyalah perkataan yang masyhur dari *tābi’īn*, ‘ulama sufi atau orang soleh. Oleh itu ia perlu dinisbahkan semula kepada kata-kata *tābi’īn*, ‘ulama sufi atau orang soleh itu dan bukan lagi dinisbahkan kepada Nabi Muḥammad SAW. Justeru, perkara ini perlu dipraktikkan oleh agamawan ketika menjelaskan kepalsuan hadis palsu tersebut kepada masyarakat awam disamping menyatakan sumber asal perkataannya yang sebenar. Sikap ini perlu dilakukan supaya perkataan tersebut diletakkan pada tempat yang sepatutnya. Contohnya ialah:

a. Perkataan dari Tābi’īn

من عرف نفسه فقد عرف ربه

Barangsiapa yang kenal dirinya, maka dia kenal tuhannya

Ibn Taimiyyah mengatakan palsu. Menurut al-Suyūṭī, al-Nawāwī mengatakan hadis ini tidak *thābit*. Al-Sam'ānī pula mengatakan perkataan ini adalah daripada Yahyā bin Mu'az al-Rāzī. (Mulla 'Alī Qārī, 1986) Oleh itu, perkataan ini lebih wajar disandarkan kepada Yahyā bin Mu'az al-Razi dan bukannya kepada baginda Nabi Muhammad SAW. Disebabkan perkataan ini mengandungi makna yang *ṣahīh*, maka ianya telah menjadi masyhur dalam kalangan 'ulama tarbiah. Al-Suyūṭī (2000) dalam kitabnya *al-Ḥāwī li al-Fatāwā* menyebutkan: al-Nawāwī mengatakan barangsiapa yang kenal dirinya dengan sifat yang lemah, berhajat kepada Allah SWT dan berterusan pengabdian kepada-Nya maka dia akan kenal tuhannya.

b. Perkataan dari ahli sufi

تفكر ساعة خير من عبادة سنة

Bertafakur seketika itu lebih baik daripada beribadat selama setahun

Menurut Mulla 'Alī Qārī, lafaz ini sebenarnya perkataan daripada al-Sārī Al-Saqatī. Inilah yang disebutkan oleh al-Fakihānī. (Mulla 'Alī Qārī, 1986) Perkataan ini tidak *thābit* dari Nabi Muhammad SAW, namun perlu disandarkan kepada al-Sārī Al-Saqatī iaitu seorang 'ulama sufi. Ibn Taimiyyah (2005) dalam *Majmū'at Fatāwā* menjelaskan: Merenung dan memikirkan ciptaan makhluk sama ada makhluk-makhluk di atas (langit) mahupun di bawah (dunia) untuk dijadikan iktibar adalah satu perkara yang sangat dianjurkan.

Terkadang dengan ucapan para 'ulama dan orang-orang soleh itu ia boleh membangkitkan semangat untuk masyarakat terus bermotivasi dengan amalan yang disebutkan. Justeru, hadis yang palsu wajib dijelaskan kepalsuannya kepada masyarakat disamping menjelaskan makna hadis palsu tersebut. Seterusnya setiap agamawan perlu jelaskan dari mana sumber asal perkataan tersebut supaya masyarakat lebih tahu dan sedar atas kewujudan perkataan itu. Inilah yang dikatakan ilmiah dan tanggungjawab seorang penyampai ilmu dalam membahaskan sesuatu ilmu hadis.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada hasil dapatan yang telah dijelaskan sebelum ini, dapat dirumuskan beberapa dapatan dan perbincangan berkaitan kategori hadis yang dinilai palsu:

- a. Memberi amaran atau peringatan kepada masyarakat tentang bahayanya penyebaran hadis palsu. Agamawan perlu menyampaikan takrif sebenar hadis palsu, hukum meriwayatkannya, hukum menyebarkannya dan hukum memalsukannya kepada masyarakat awam. Tindakan ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan masyarakat awam dan membuka mata mereka tentang kebenaran yang sepatutnya mereka ketahui.
- b. Mengetahui tentang kewujudan kategori hadis –hadis yang dinilai palsu. Ada hadis palsu yang diperselisihkan kepalsuannya dan ada hadis palsu yang disepakati kepalsuannya oleh *muḥaddithīn*. Kajian lanjut bagi menentukannya perlu dijalankan oleh agamawan dengan membuat penelitian terhadap kitab-kitab yang mengumpulkan hadis-hadis palsu atau bertanya kepada yang ahli pakar dalam bidang hadis. Boleh jadi dapat dibuktikan ia berkemungkinan tidak palsu dan boleh jadi dapat dibuktikan ia pasti palsu.
- c. Agamawan perlu berhati-hati dalam memilih penilaian status hadis palsu dari *muḥaddithīn* yang *mutasāhil* dan *mutashaddīd* dalam menilai palsu terhadap sesebuah hadis seperti Ibn al-Jauzī, al-Saghānī, al-Shaukānī, al-Jauzaqānī dan seumpamanya. Lebih selamat jika memilih hadis-hadis yang telah disemak semula oleh *muḥaddithīn* dalam kitab-kitab mereka. Antara kitab yang terbaik adalah kitab *Tanzīh al-Syarī'at al-Marfū'at 'an al-Akḥbār al-Syanī'at al-Maudū'at* karangan Ibn 'Irrāq al-Kinānī. Laksanakan kajian dan penelitian sehingga hadis palsu tersebut benar-benar disepakati oleh para *muḥaddithīn* atau sebenarnya masih ada khilaf mengenainya.
- d. Wajar berhati-hati daripada mudah menghukum sesuatu hadis itu sebagai palsu. Ini kerana boleh jadi ia tidak palsu seperti hadis-hadis yang terkandung di dalam kitab-kitab tokoh terkenal seperti kitab *Ihyā' 'Ulum al-Dīn* karangan al-Ghazālī, kitab *Qut al-Qulūb* oleh Abū Ṭālib al-Makkī, kitab *al-Tazkirah* oleh al-Qurtūbī dan seumpamanya. Hal yang demikian tidak lain tidak bukan adalah kerana *muḥaddithīn* begitu faham betapa bahayanya memalsukan hadis yang hakikatnya tidak palsu, sama sahaja bahayanya seperti mana memberi penilaian *ṣaḥīḥ* kepada hadis-hadis yang palsu.

- e. Adalah lebih baik sekiranya agamawan memberi fokus kepada hadis yang disepakati kepalsuannya oleh *muhaddithīn* berbanding hadis yang ada khilaf mengenainya antara palsu atau tidak palsu. Ini lebih bermanfaat bagi pihak yang bertanggungjawab daripada terlibat dengan pertikaian yang tidak berkesudahan tentang soal palsu dan tidak palsu.
- f. Terdapat tiga bentuk keadaan hadis palsu yang telah disepakati kepalsuannya. Antaranya ialah hadisnya palsu dan amalannya juga tetap palsu, hadisnya palsu tetapi amalannya bertepatan dengan dalil-dalil *ṣahīh* yang lain dan hadis palsu yang hakikatnya merupakan perkataan dari para *tābi'īn*, *hukamā'* dan ahli sufi.
- g. Jika sesuatu hadis itu benar-benar disepakati kepalsuannya, maka agamawan perlu bawakan dalil-dalil alternatif yang lain seperti ayat al-quran, hadis-hadis *ṣahih* atau hadis-hadis *maqbul* yang sesuai dengan matan hadis palsu tersebut supaya masyarakat boleh terus beramal dengan amalan tersebut. Hari ini ramai agamawan yang rajin menyebarkan maklumat tentang status hadis palsu, namun mereka terlepas pandang untuk menerangkan hukum berkaitan isi dan maksud hadis tersebut.
- h. Sekiranya ungkapan tersebut jelas dari para *tabi'īn*, ulama – ‘ulama sufi atau perkataan dari orang-orang soleh, maka agamawan perlu jelaskan dari mana sumber asal perkataan tersebut supaya masyarakat lebih tahu dan sedar atas kewujudan perkataan itu. Ini kerana makna perkataan itu baik dan benar. Terkadang boleh jadi ungkapan dari para *tabi'īn*, ulama – ‘ulama sufi atau orang – orang soleh juga boleh dijadikan motivasi, nasihat dan panduan kepada masyarakat walaupun secara pasti ia tidak *thābit* dari Nabi Muhammad SAW.

KESIMPULAN

Penyebaran hadis palsu dalam kalangan masyarakat tidak berpenghujung. Walhal penyebaran hadis palsu bukanlah isu yang baru dan bukan tidak pernah dijelaskan kepada masyarakat sebelum ini, akan tetapi perkara ini berlaku disebabkan keterbatasan pendedahan, sumber rujukan dan kekurangan kesedaran agar berwaspada dalam menyandarkan sesuatu perkara kepada Nabi Muhāmmad SAW. Oleh yang demikian, *muhaddithīn* telah berusaha membendung serta membanterasnya dengan pelbagai langkah dan cara. Antaranya ialah membina kaedah-kaedah yang dapat digunakan bagi membezakan hadis yang *thābit*, hadis berkemungkinan *thābit* dan hadis yang pasti kepalsuannya. Bagi mengesahkannya ia memang benar-benar disepakati palsu oleh para

ulama, perlu kepada kepakaran orang yang ahli dan mahir tentang selok belok hadis. Bukan itu sahaja, malah ia mesti mengetahui metode yang diguna pakai oleh para ‘alim ulama, kecenderungan pemikiran mereka, mazhab-mazhab muktabar mereka, mendalami tempat-tempat yang disepakati oleh mereka serta tempat-tempat yang menjadi perselisihan mereka, dan sebagainya. Biarlah pihak yang bertanggungjawab itu menjadi tempat kepercayaan masyarakat terhadap kredibiliti mereka dan bukannya menjadi bahan sendaan atau pemangkin kepada kekeliruan dan kecelaruan yang berpanjangan.

RUJUKAN

- ‘Awwāmah, Muhammad. (2017) *Hukm al-‘Amāl bi al-Ḥadīth al-Ḍa’īf*. Jeddah: Dār al- Minhāj.
- ‘Azamī, Muḥammad Muṣṭafā. (1992) *Studies in Hadith Methodology and Literathure*, Terjemahan A. Yamin, Metodologi Kritik Hadis, Bandung: Pustaka Hidayah.
- Al-‘Ajlūnī. Ismā’il bin Muḥammad. (1932) *Kashf al-Khafā’ wa Muzīl al-Ilbās ‘ammā Ishtahara min al-Aḥādīth ‘alā Alsināt al-Nās*. Mesir: Maktabah al-Qudsī.
- Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar, Aḥmad bin ‘Alī, (2011) *Nuzhat al-Nazar fī Tauḍīḥ Nukhbat al- Fikr*. Tahqīq: Nuruddīn ‘Iṭr. Karachi: Maktabat al-Busrā,
- Al-‘Asqalānī. Ibn Ḥajar. Aḥmad bin ‘Alī, (2013) *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Tahqīq: Syu’aib al-Arnaūṭ. Beirut: Syarikat al-Risalah al-‘Alāmiyyat.
- Al-‘Iṭr, Nuruddīn. (1997) *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu’āshir.
- Al-‘Irāqī, Zainuddīn, (1986) *Takhrij Aḥādīth Ihyā ‘Ulumuddīn*. Tahqīq: Abū Muḥammad Ashraf bin ‘Abd al-Maqṣūd. Dār al-‘Āshimah
- Abdul Razak Muthalib. (2017) *40 Hadis Palsu Popular*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Abū Shahbah, Muḥammad bin Muḥammad. (1987) *Al-Israiliyyāt wa al-Mauḍū’āt fī Kutub al-Tafsīr*. Kaherah: Maktabat al-Sunnah.
- Ahmad Izzan (2012) *Studi Takhrij Hadis: Kajian Tentang Metodologi Takhrij dan Kegiatan Penelitian Hadis*. Bandung: Tafakur Sdn. Bhd.
- Ashraf Shahrulail, Suriani Sudi & Khafidz Soroni. (2022). *Penyampaian Status Hadis Ḍa’īf Dalam Kalangan Guru Tauliah: Satu Tinjauan Awal*. Isu-Isu Kontemporari Dalam

- Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah (Siri 3) 2022. Kajang: Fakulti Pengajian Peradaban Islam. (KUIS)
- Al-Baihāqī, Abū Bakr Aḥmad bin Ḥusain bin ‘Alī, (1991) *Ma‘rifat al-Sunan wa al-Āthār*. Damsyīq: Dār Qutaibah.
- Al-Dhabīdī, Muḥammad al-Ḥusainī. (1994) *Ithāf al-Sādat al-Muttaqīn bi Syarh Ihyā ‘Ulum al-Dīn*. Beirut: Muassat al-Tārikh al-‘Arabī.
- Al-Dhabībī, Syams al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad. (2000). *Al-Mūqīzah*. Tahqīq ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. c. 5. Kaherah Dār al-Salam.
- Faisal Ahmad Shah. (2017) *Hadis Daif dan Palsu: Realiti Pemakaiannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Fathor Rois & Iqro Firdaus (2014) *Para Pemalsu Hadis: Biografi Tokoh – Tokoh Pemalsu Hadis dan Pendapat Para Ahli Hadits Tentang Mereka*. Jogjakarta: Diva Press.
- Al-Futtānī, Muḥammad Ṭahīr al-Ḥindī. (1925) *Takirat al-Mauḍū‘āt*. Mesir: Idārat al-Ṭabā‘at al-Munīrat.
- Al-Ghourī, Syed ‘Abd al-Mājid. (2017). *Al-Hādīth al-Mauḍū‘ Asbāb Ikhtilāqihī wa Khuṭura Intishārihi wa Ḍawābiḥ Ma‘rifatihī wa Torīqat al-Takhallūs minhu*. Bangi: Dār al-Syakir.
- Al-Ghourī, Syed ‘Abd al-Mājid. (2019). *Al-Muyassar fī ‘Ilmī Muṣṭolaḥ al-Ḥadīth*. Bangi: Dār al-Syakir.
- Al-Ghumārī, ‘Abd al-‘Azīz bin Muḥammad al-Ṣiddīq. (1993) *al-Tihānī fī al-Ta‘āqub ‘alā Mauḍū‘āt al-Saghānī*. Kaherah: Dār al-Anṣār
- Al-Ghumārī, ‘Abd al-‘Azīz bin Muḥammad al-Ṣiddīq. (1988) *Fath al-Wahab bi al-Takhrīj Ahādīth al-Shihāb*. Beirut: ‘Ālim al-Kutub.
- Al-Ghumārī, ‘Abd al-‘Azīz bin Muḥammad al-Ṣiddīq. (1982) *Al-Mughīr ‘alā al-Ahādīth al-Mauḍū‘ah fī al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr*. Beirut: Dār al-Ra‘id al-‘Arabī.
- Hussein ‘Abd al-Kadir. (2017). *Pencerahan Dalam Bidang Hadith*. Jabal Maraqy Sdn. Bhd. Kota Bharu. Kelantan.
- Al-Ḥaithamī, Nūr al-Dīn, (2015) *Majma‘ al-Zawāid wa Manba‘ al-Fawāid*. Tahqīq: Ḥusin Sālim. Jeddah: Dār al-Minhāj.
- Ibn Ṣalaḥ, ‘Uthmān bin ‘Abd al-Raḥman Taqīyy al-Dīn. (1986) *Muqaddimah Ibn Ṣalaḥ*. Tahqīq: Nuruddin I’ṭr. Beirut: Dār al-Fikr.

- Ibn Taimiyyah, Taqīyy al-Dīn Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin ‘Abd al-Salam (2005) *Majmū’at al-Fatāwā*. Mansūrah: Dār al-Wifā.
- Jamaluddin Abdul Wahab. (2011) *Isu-Isu Takhrij Di Singapura: Satu Tinjauan Awal*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Jendri, (2020) Studi Hadis Maudhu Dalam Kitab Al-La’alli Masnu Al-Maudhu’ah (Interpretasi Al-Suyuthi) *Jurnal Ulunnuha*, Vol. 9 No.1/Juni 2020
- Al-Judai’, ‘Abdullah bin Yūsuf. (2003) *Tahrīr fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Muassasat al-Rayyan.
- Khadher Ahmad. (2019) Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website Dan Software Hadith. *International Conference on Islam in Malay World IX, Krabi, Thailand*. 332 - 352
- Al-Laknawī, ‘Abd al-Hayy. (1995). *Zafar al-Amānī bi Syarh Mukhtasar al-Jurjānī*. Tahqīq: ‘Abd al-Fattah Abū Ghuddah. Halab: Maktabat al-Maṭbū‘at al-Islamiyyah.
- Al-Laknawī, ‘Abd al-Hayy. (2000) *al-Raf’ wa al-Takmil fī al-Jarḥ wa al-Ta’dīl*. Tahqīq: ‘Abd al-Fattah Abū Ghuddah. Kaherah: Dār al-Salam
- Al-Laknawī, ‘Abd al-Hayy. (2007) *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-Asilat al-‘Ashara al-Kāmilat*. Ta’līq: ‘Abd al-Fattah Abū Ghuddah. Kaherah: Dar al-Salam
- Mannā’ al-Qaṭṭan, (2007) *Mabahith fī ‘ulūm al-Ḥadīth*. c. 5. Kaherah: Maktabah Wahbah
- Masyhuri Rifa’i, Muhammad Abdul Aziz & Fariz Risky Fatah (2021) Studi Komparasi Manhaj Al-Syaukani (Fawaid Al-Majmu’ah Fi Al-Ahadis Al-Maudu’ah) Dan Al-Idlibi (Naqd Al-Matn; ‘Inda ‘Ulama Al-Hadis An-Nabawi). *Zawiyah: Jurnal Pemikiran Islam*. Vol. 7, No. 1, Julai 2021
- Mohd Muhiden ‘Abd Rahman (2021) *Penyebaran Hadis Maudu dan Implikasinya kepada Masyarakat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Mohd Khafidz Soroni. (2020) *Hadis Bukan Sekadar Sahih Atau Tidak*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Mullā ‘Alī Qārī, Nuruddīn ‘Alī bin Muḥammad bin Sulṭān (1986) *Al-Asrār al-Marfū’at fī al-Akḥbār al-Maudū’at*. Tahqīq: Luṭfī bin al-Ṣibāgh. Beirut: Maktabat al-Islāmī.
- Muhammad Ardiansyah. (2020) *Otoritas Imam al-Ghazali Dalam Ilmu Hadits: Satu Tinjauan Yang Adil*. Jawa Barat: Yayasan Pendidikan Islam al-Taqwa Depok.
- Nur Hidayat Muhammad. (2018) *Menjawab Pertuduhan Buku 40 Hadis Palsu Popular*. Johor Bahru: ARG Training & Consultancy

- Al-Qāwuqjī, Muḥammad Khalīl. (1994) Beirut: *Al-Lu'lu' al-Marṣū' fī mā Lā Aṣla Lahu Au Bi Aṣli Maudū'*. Tahqīq: Fawwāz Aḥmad. Dār al-Basyāir al-Islamiyyah.
- Rohman, A'an Mujibur. (2021) Kritik Ibn al-Jauzi Terhadap Hadis dalam Kitab Ihya Ulum ad-Din dan Pembelaan Abu al-Fadl al-Iraqi. *JALSAH: The Journal of al-Quran and as-Sunnah Studies*. Vol. 1 No. 1 2021
- Ṭoḥan, Maḥmūd. (2011) *Taisīr Mustolaḥ al-Ḥadīth*. Riyād: Maktabah al-Ma'ārif.
- Ṭoḥan, Maḥmūd (1996) *Uṣul al-Takhrij wa Dirasat al-Asanid*. Riyād: Maktabah al-Ma'ārif.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. (1993). *Tadrīb al-Rāwī Fī Syarḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. *Al-Ḥāwī li al-Fatāwā fī al-Fiqhī, wa 'ulūm al-Tafsīr, wa al-Ḥadīth, wa al-Uṣūl wa al-Nahw wa al-I'rāb wa Sāir al-Funūn*. (2000) Tahqīq: 'Abd al-Latīf 'Abd al-Raḥman. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sakhāwī. Muḥammad 'Abd al-Raḥman. (1985) *Al-Maqāṣid al-Ḥasanat fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Musyṭahirat 'alā Alsinat*. Tahqīq: Muḥammad 'Uṭhmān al-Khasyat. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arābī.
- Al-Sakhāwī, Abū 'Abd Allah Muḥammad bin 'Abd al-Raḥman. (2003). *Fath al-Mughīth bi Syarḥ Alfīyah al-Ḥadīth li al-'Irāqī*. Tahqīq 'Alī Ḥusain 'Alī. Dār al-Imām al-Ṭabarī.
- Al-Shāḥawī, Ibrahim Dusuki. (1971) *Mustolaḥ al-Ḥadīth*. Syarikat al-Ṭibā'ah al-Fanniyah al-Muttahidah.
- Al-Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī, (1995) *Al-Fawāid al-Majm'at fī al-Aḥādīth al-Muḍū'at*. Tahqīq: 'Abd al-Raḥman bin Yahyā al-Mu'allimī. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah